

## PH lari daripada prinsip asal

*Pendirian berubah seperti tidak mahu pembangkang kuat*

SHAH ALAM

**P**H dilihat lari daripada prinsip asal apabila ada di antara parti komponen gabungan itu menerima sebilangan bekas pemimpin Umno sebagai ahli mereka.

Pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr Mohamad Agus Yusoff berkata sebelum ini, PH menjelaskan bahawa mereka tidak akan menerima mana-mana pemimpin Umno kerana mahukan suara pembangkang yang kuat di negara ini.

Namun begitu, beliau berkata perkara sebaliknya berlaku apabila ada di antara komponen PH mene-

rima bekas pemimpin Umno yang meninggalkan parti Melayu itu sejak kebelakangan ini.

"Sebelum ini PH kata tak nak terima pemimpin Umno kerana mahu pembangkang yang kuat namun jika ikut cara sekarang seperti mereka tak mahukan pembangkang itu kuat.

"Pada saya ini sudah lari daripada prinsip asal mereka,"katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Mohamad Agus berkata demikian bagi mengulas mengenai perkembangan di mana sebilangan pemimpin Umno bertindak untuk meninggalkan parti itu, malah ada di antara mereka turut mengumumkan menyertai parti komponen PH.

Selain itu, difahamkan 10 lagi Ahli Parlimen parti itu dijangka akan keluar sekiranya Presiden, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi enggan untuk melepaskan jawatannya dalam tempoh 10 hari.



MOHAMAD AGUS

Mengulas lanjut, Agus berkata tindakan komponen PH menerima ahli Umno bakal memberi kesan besar terhadap politik negara serta dapat mengoncangkan perpaduan di dalam gabungan itu sendiri.

"Malah, pihak di luar pula melihat pemimpin Umno ini hanya mencari keuntungan dan meninggalkan perjuangan parti apabila ti-

dak lagi berkuasa,"katanya.

Ketika ditanya sama ada tindakan keluar parti ini merupakan langkah bagi menggesa Ahmad Zahid melepaskan jawatannya, Agus berkata terdapat beberapa saluran atau kaedah lain yang boleh dipakailah bagi menuntut pihak berkenaan berundur.

Menurut beliau, Ahmad Zahid telah dilantik secara sah sebelum ini dan pengunduran beliau juga perlu dilakukan mengikut lunas undang-undang yang betul tanpa perlu mana-mana pihak meninggalkan parti.

"Ikut lunas undang-undang sedia ada contohnya dengan mengadakan mesyuarat khas, atau pun menggesa Majlis Tertinggi (MT) memecat beliau, atau dengan mengadakan semula Perhimpunan Agung Umno (PAU).

"Ada banyak langkah untuk buat proses itu dan bukannya dengan meninggalkan parti,"katanya.